

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

SBU302 - Asas-Asas Pembangunan Dalam Islam

Masa: (3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** (4) soalan. Tulisan anda hendak jelas. Jawapan anda hendaklah padat. Tiap-tiap soalan mempunyai markah yang sama.

1. "Sumber alam adalah terhad sedangkan kehendak manusia tidak terbatas". Ini merupakan salah satu andaian utama perspektif ekonomi liberal. Huraikan secara ringkas maksud kenyataan tersebut dan nyatakan pandangan Islam terhadap perkara berkenaan.

(100 markah)

2. Huraikan konsep produktiviti buruh menurut kacamata Islam. Apakah perbezaannya dengan konsep produktiviti buruh yang lazim difahami di dalam disiplin pembangunan kini.

(100 markah)

3. Perlaksanaan program-program pembangunan berteraskan perspektif pembangunan Islam membawa implikasi tertentu kepada dasar pertanian dan perindustrian negara. Bincangkan.

(100 markah)

4. Bezakan di antara sifat berganda zakat dan sifat berganda riba. Berdasarkan perbezaan tersebut huraikan sebab-sebab zakat diwajibkan ke atas golongan tertentu dan riba diharamkan.

(100 markah)

5. Dalam penyelesaian masalah kemiskinan menurut kacamata Islam, setiap pihak - bermula daripada individu, anggota masyarakat, dan pemerintah, mempunyai tanggungjawab dan peranan masing-masing. Bincangkan.

(100 markah)

6. Pemeliharaan alam sekitar menjadi isu pembangunan utama kini. Mengapa perkara ini timbul dan apakah pandangan Islam di dalam hal ini?

(100 markah)

- oo oo oo -